

REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI TINGKATAN 1

LATIHAN BAB 5 : APLIKASI TEKNOLOGI

5.1 Reka Bentuk Sistem Fertigasi

5.1.2 Komponen utama sistem fertigasi

Jawab **semua** soalan dengan menggunakan **HURUF BESAR**.

1. Rajah yang berikut menunjukkan komponen utama sistem fertigasi. Nyatakan **A, B dan C**.



2. Maklumat yang berikut adalah komponen-komponen dalam sistem fertigasi.

A	Alat pengatur masa
B	Pam air
C	Penitis
D	Injap
E	Penapis

1

Padankan komponen di atas dengan fungsi yang **betul** dengan menulis **A, B, C, D** atau **E** pada petak yang disediakan. **Subtopik 5.1**

HURUF TERK
m.a. 108

- (a) Mengawal pengaliran nutrien dari tangki ke paip sekunder
- (b) Menitiskan larutan nutrien ke medium penanaman
- (c) Menapis benda asing daripada masuk ke sistem pengairan

3. Maklumat yang berikut adalah jenis-jenis paip ladang.

A	Paip utama
B	Paip sekunder
C	Paip tertier

Padankan kegunaan paip yang berikut dengan jenis paip ladang dengan menulis **A**, **B** dan **C** pada petak yang diberikan.

Subtopik 5.1

BUKU TEKS
m.s. 108

- (a) Menyambung tangki nutrien ke pam air
- (b) Menyalur nutrien ke tiub mikro
- (c) Menyambung dari pam air ke paip
4. Tandakan (/) pada ciri coco peat yang **betul** dan (X) pada yang **salah**.
- (a) Merupakan bahan semula jadi daripada biji padi
- (b) Mempunyai daya penyerapan tinggi yang mengekalkan kelembapan media
- (c) Memudahkan tumbesaran akar dan pengudaraan
5. Padankan jenis sistem pengairan di bawah dengan keterangannya yang betul.

Jenis Sistem Pengairan

Keterangan

Sistem pengairan semburan kabus

Pengairan dilakukan daripada nozel ke udara dan jatuh ke tanah

Sistem pengairan titis

Pengairan menggunakan nozel halus menghasilkan semburan seakan kabus

Sistem pengairan percikan

Pengairan air yang dibekalkan terus ke zon akar tanaman

6. Nyatakan komponen dalam sistem fertigasi berdasarkan keterangan berikut.

Keterangan	Komponen
Berfungsi mengepam larutan baja dan air dari tangki nutrien ke sistem pengairan	(a)
Berfungsi menakung larutan baja dan mengalirkan larutan baja ke sistem pengairan dengan bantuan pam air atau secara tarikan graviti	(b)
Berfungsi memastikan penyaluran larutan baja pada masa, kekerapan dan kuantiti yang ditetapkan	(c)

7. Tandakan (/) pada penyediaan sistem fertigasi yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

(a) Dua larutan baja yang berbeza disukat dan dimasukkan ke dalam tangki utama.

(b) Media tanaman yang digunakan ialah tanah, *coco peat*, *peat moss*, dan sekam padi.

(c) Pemilihan biji benih yang baik, berkualiti, dan bebas daripada penyakit.

(d) Alat pengukur digunakan untuk menguji kuantiti air di tangki supaya pengairan ke tanaman mencukupi.


8. Tandakan (/) pada pernyataan yang menerangkan media tanaman *coco peat* yang betul dan (x) pada pernyataan yang salah.

Gambar Foto	Pernyataan	Jawapan
	(a) Bahan semula jadi daripada sabut kelapa	
	(b) Sejenis bahan sukar mereput	
	(c) Bahan yang boleh mengekalkan kelembapan	
	(d) Mempunyai pengudaraan yang baik	

9. Maklumat di bawah menunjukkan komponen sistem fertigasi.

Polibeg	Tangki nutrien	Pam air
Injap	Set penitis	Alat pengatur masa (timer)

Tulis nama komponen tersebut dalam ruang jawapan yang disediakan.




10. A, B dan C merupakan jenis sistem pengairan dalam sistem fertigasi.

A	Sistem pengairan titis
B	Sistem pengairan percikan
C	Sistem pengairan semburan kabus

Padankan sistem fertigasi yang berikut dengan jenisnya yang **betul** dengan menulis A, B dan C pada petak yang disediakan.







SELAMAT MENJAWAB

Disediakan oleh

Pn Aniza Abdullah
Guru RBT,
SMK Dengkil, Sepang,
Selangor